

Chinta dari Perancis semai cintai alam Kedah



Chinta mengasingkan sampah ketika ditemui mengenai aktiviti sukarelanya membersihkan persisir Sungai Kedah di Kampung Ulu, Kuala Kedah, semalam.

[FOTO DANIAL NOORDIN/BH]

Alor Setar: Rasa cinta terhadap alam sekitar membuatkan seorang warga Perancis, sanggup merantau jauh ke negeri ini semata-mata untuk melengkapkan misi projek 'Yours Truly Kedah'.

Melalui misi itu, Chinta Cheignard, 28, bersama lima rakaninya, Robert Sutton dari Kanada, Adha Shaleh (Singapura), Kristine Weis (Amerika Syarikat) dan dua rakyat Malaysia, Baitulhusna Ahmad Zambri dan Sheikh Fazril Ikmal, bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar Kuala Kedah, sejak empat bulan lalu.

Chinta berkata dia sanggup datang dari negara asalnya semata-mata menunaikan tanggungjawab sebagai pencinta alam.

Katanya, sepanjang tempoh empat bulan lalu, mereka aktif mengelilingi seluruh kawasan di Kuala Kedah terutama yang

menetap di pesisiran sungai bagi memastikan penduduk sekitar tidak membuang sampah di merata tempat.

Chinta mengaku tidak mudah untuk mendidik masyarakat di sekitar kawasan itu yang sudah terbiasa dengan tabiat suka membuang sisa sampah ke dalam sungai, sekali gus menyumbang kepada keadaan udara kotor.

"Selepas empat bulan saya dapat melihat kini Sungai Kedah dalam keadaan lebih baik dan saya harap ia mampu dikekalkan selepas kepulangan saya ke Paris minggu depan.

Inisiatif enam sahabat ini di biayai Kementerian Kewangan melalui Sukarelawan Profesional Antarabangsa di bawah Program Persahabatan (fellowship) yang diperkenalkan untuk mewujudkan komuniti golongan profesional yang berminat untuk berkongsi kepakaran mereka secara global.